

Tajuk : FRIM, PUSAKA dan UNIMAS anjur GAPPS 2012, 19 – 20 Nov

FRIM, PUSAKA dan UNIMAS anjur GAPPS 2012, 19-20 Nov

KOTA SAMARAHAN: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan Seminar Kayu Getah, Acacia, Palma dan Spesies Perintis Sarawak 2012 (GAPPS 2012) pada 19 dan 20 November ini.

Seminar dijangka dirasmikan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Dato Sri Douglas Uggah Embas pada 19 November.

Pengarah Kanan Bahagian Keluaran Hutan FRIM Dr Rahim Sudin berkata, seminar diadakan bagi mempromosi serta meneroka penggunaan sumber alternatif kepada spesies pokok kayu hutan sebagai bahan mentah untuk pengeluaran produk berasaskan kayu.

“Industri kayu merupakan salah satu sumber pendapatan penting bagi Malaysia sejak berdekad lalu dengan menyumbang nilai eksport sekitar RM20 bilion.

“Daripada jumlah itu RM7 billion adalah kayu getah sama

ada berbentuk perabot dan sebagainya dan kayu getah mendominasi satu pertiga hasil eksport kayu negara,” katanya pada sidang media yang dihadiri Timbalan Pengurus Besar PUSAKA Hashim Bojet dan Pengarah Institut Reka Bentuk dan Inovasi UNIMAS Profesor Dr Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman di UNIMAS di sini, semalam.

Rahim berkata, seminar akan membentangkan hasil-hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan komersialisasi bagi kayu getah, palma, acacia dan spesies-spesies perintis sebagai bahan alternatif untuk industri kayu-kayan pada masa akan datang.

“Di Semenanjung Malaysia, 99 peratus sudah menggunakan kayu getah untuk membuat perabot.

“Seperti mana yang kita sedia maklum, Sarawak kaya dengan hasil hutan namun kita tidak mahu ia hanya ditebang sahaja tetapi kita perlu melihat jalan alternatif sebagai suplemen kepada permintaan kayu,” katanya.

Menurut beliau, sebanyak

18 kertas kerja akan dibentangkan oleh penyelidik daripada FRIM dan wakil-wakil PUSAKA, UNIMAS, Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation (SFC), Majlis Perindustrian Malaysia (MTC), Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Pada seminar itu topik-topik yang akan dibentangkan meliputi aspek-aspek anggaran bekalan bahan mentah sedia ada, sifat-sifat fizikal dan mekanikal, serta produk utama dan bernilai tambah.

Kajian ekonomi, isu dan cabaran dihadapi oleh industri akan diperbincangkan dengan terperinci bagi manfaat semua yang berminat khususnya pihak pengusaha industri perindustrian Sarawak.

Seminar adalah percuma dan terbuka kepada orang ramai dan untuk pendaftaran atau pertanyaan sila hubungi Siti Emiza Misi (082-473000) atau e-mel ct_emiza@pusaka.gov.my dan Yanti Abdul Kadir (03-62797705) atau yanti@frim.gov.my.